

PR1MA DAN ANSARA MALAYSIA JALIN KERJASAMA PERLUAS PELUANG PEMILIKAN RUMAH

PETALING JAYA, 22 September 2026 – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang merupakan sebuah agensi peneraju perumahan mampu milik bagi kumpulan M40 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hari ini memeterai Perjanjian Kerjasama dengan Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains MARA Malaysia (ANSARA) bagi memperluas akses ahli ANSARA dan keluarga mereka kepada maklumat, peluang serta inisiatif berkaitan pemilikan kediaman PR1MA.

Perjanjian ini ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PR1MA, Ts. Brian Iskandar Zulkarim dan Presiden ANSARA, Ts. Taufiq bin Hussien, dalam satu majlis yang berlangsung di Ibu Pejabat PR1MA.

Kerjasama strategik ini merangkumi pelaksanaan program kesedaran pemilikan rumah, sesi taklimat dan libat urus, perkongsian maklumat mengenai kediaman dan promosi PR1MA, program rujukan, serta inisiatif komunikasi dan publisiti bersama tertakluk kepada terma dan syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Antara manfaat utama kerjasama ini, PR1MA menawarkan diskaun tambahan sebanyak RM5,000 kepada 200 ahli ANSARA atau ahli keluarga mereka yang terawal bagi pembelian kediaman PR1MA terpilih. Insentif ini ditawarkan sebagai tambahan kepada kempen Rumah PR1MA Kita, Rumah PR1MA Kita+ atau mana-mana kempen promosi lain yang diluluskan PR1MA, tertakluk kepada syarat, kelayakan serta ketersediaan unit semasa.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PR1MA, Ts. Brian Iskandar Zulkarim berkata, kerjasama dengan ANSARA ini mencerminkan komitmen PR1MA untuk terus memperluas akses pemilikan kediaman melalui kerjasama strategik dengan pelbagai organisasi dan komuniti.

“Bagi PR1MA, usaha memperluas pemilikan rumah bukan sekadar menyediakan kediaman, tetapi juga memastikan lebih ramai rakyat mendapat akses kepada maklumat, peluang dan pilihan kediaman yang bersesuaian dengan keperluan serta kemampuan mereka.

“Melalui jaringan ANSARA yang luas, kerjasama ini membolehkan PR1MA mendekati lebih ramai bakal pemilik rumah secara langsung. Kami berharap manfaat yang ditawarkan dapat membantu ahli ANSARA dan keluarga mereka mengambil langkah seterusnya ke arah memiliki kediaman sendiri,” katanya.

Sementara itu, Presiden ANSARA, Ts. Taufiq bin Hussien pula berkata, kerjasama dengan PR1MA merupakan sebahagian daripada usaha ANSARA untuk terus menyediakan manfaat yang relevan dan bernilai kepada ahli serta keluarga mereka.

“Pemilikan kediaman merupakan antara komitmen penting dalam kehidupan seseorang. Justeru, kami menyambut baik kerjasama dengan PR1MA yang bukan sahaja memberikan ahli ANSARA akses kepada pilihan kediaman, malah menawarkan manfaat tambahan yang dapat membantu mereka dalam perancangan untuk memiliki kediaman,” katanya.

Selain insentif pembelian ini, ahli ANSARA yang layak turut berpeluang menyertai Program Rujukan PR1MA yang menawarkan insentif sebanyak RM3,000 bagi setiap rujukan yang berjaya, tertakluk kepada terma, syarat dan proses pengesahan yang ditetapkan oleh PR1MA.

PR1MA akan terus meneroka kerjasama strategik dengan pelbagai organisasi dan persatuan lain bagi membuka lebih banyak peluang kepada rakyat Malaysia untuk memiliki kediaman yang berkualiti dan mampu milik.

-TAMAT-

Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) merupakan sebuah agensi peneraju perumahan mampu milik bagi kumpulan M40 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012, PR1MA bertanggungjawab untuk membangunkan kediaman mampu milik berkualiti tinggi bagi rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA direka dengan konsep holistik serta menekankan pembangunan komuniti lestari. Sebagai agensi perumahan yang diiktiraf industri menerusi pencapaian pelbagai anugerah yang dimenangi, PR1MA terus komited untuk menyediakan perumahan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan rakyat dan memperkasa agenda perumahan negara.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Huda Zafirah A Rashid (huda.zafirah@pr1ma.my / +6013 444 1189)
Khairul Faizi Dalail (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013 702 9740)